

Newspaper	Berita Harian
Date	9 May 2015

MUKTAMAR ULAMA AHLI SUNAH WAL JAMA'AH SEDUNIA 2015

Umat usah taksu doktrin, tokoh tertentu

» *Pertahan,
suburkan manhaj
ASWJ menerusi
kefahaman
betul, tepat*

Oleh **Petah Wazzan Iskandar**
wazzan@bh.com.my

Putrajaya

Umat Islam seharusnya tidak disalurkan ke dalam jalur sempit menerusi doktrin dan tokoh tertentu sahaja bagi mengelakkan wujudnya perenggahan dan keresahan, kata Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pemahaman mengenai Ahli Sunah Wal Jama'ah (ASWJ) secara tradisi perlu diubah kepada fahaman melalui manhaj, matlamat dan objektif berdasarkan syariah dan sejarah terdahulu.

Katanya, seiring zaman langit terbuka dan bumi ilmu tanpa batasan, keresahan tetap timbul apabila fahaman lain ditonjolkan

walaupun ia pada hakikatnya masih di bawah payung ASWJ.

"Berpegang kepada manhaj ASWJ perlu dipertahankan dan disuburkan menerusi kefahaman yang betul dan tepat bagi menghapuskan penyelewengan yang boleh menghakis apa yang dikecapi kini di Malaysia iaitu kestabilan rohani dan keutuhan dalam kalangan masyarakat Islam.

"Manhaj ASWJ sudah lama diterima dan diamalkan hingga menjadi sebatik dalam kalangan orang Islam Malaysia berdasarkan prinsip Wasatiyyah hingga menyebabkan perkembangan sedia ada tidak mungkin dapat disekat dengan fahaman yang salah," katanya menutup Muktamar Ulama ASWJ Sedunia 2015 di sini, semalam.

Bincang hala tuju ASWJ

Pada muktamar selama tiga hari yang dianjurkan Yayasan Perdana Ummah itu, seramai 25 ulama besar dari 15 negara berbincang mengenai hakikat dan hala tuju ASWJ.

Sebelum itu, tokoh ASWJ Indonesia, Sheikh Nuruddin Al Banjar membentangkan 20 resolusi hasil daripada 10 topik yang



Abdullah menerima kenyataan resolusi muktamar pada majlis penutup Muktamar Ulama Ahli Sunah Wal Jama'ah di Putrajaya, semalam. [FOTO BERNAMA]

“**Pemahaman mengenai ASWJ secara tradisi perlu diubah kepada fahaman melalui manhaj, matlamat dan objektif berdasarkan syariah dan sejarah terdahulu**”

Abdullah Ahmad Badawi,
Bekas Perdana Menteri

dibincangkan. Antaranya mengenai jihad, kesucian Islam dan keperluan berpegang dengan manhaj ASWJ.

Abdullah yang juga Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berkata, Malaysia yang disyitiharkan sebagai sebuah negara Islam tidak terlepas daripada ancaman pelbagai pihak dan fahaman yang mampu mengancam akidah dan pegangan umat Islam.

“Namun pengamalan Islam berdasarkan manhaj ASWJ menampilkan kesan yang baik kepada kestabilan rohani dan ma-

syarakat. Ini semua adalah usaha dan kegigihan ulama ASWJ masa silam yang berusaha menyampaikan dakwah dalam mengembangkan syiar Islam.

“Usaha terbabit berjaya menjadi benteng yang sukar menembusi pemikiran umat Islam yang sudah sebatik dalam jiwa membabitkan manhaj ASWJ,” katanya.

○ Dakyah palsu jejas akidah, kesucian Islam
- RENCANA 32/33